

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]**

TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kenapa pihak petani mahu pun pihak yang lain tidak dibenarkan untuk membeli minyak petrol ataupun diesel di dalam tong memandangkan tiada sebarang subsidi kerajaan untuk minyak. Adakah Kementerian mempunyai sebarang cadangan untuk mengubah polisi ini dengan serta-merta.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mana-mana pihak yang hendak membeli minyak petrol dan diesel menggunakan tong buat masa sekarang memerlukan Permit Barang Kawalan Berjadual. Sekiranya stesen minyak menjual menggunakan tong kepada pihak yang tiada kebenaran bertulis, ia telah melanggar syarat khas lesen dan merupakan satu kesalahan dibawah Peraturan 12A dan Peraturan 21(1), Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan masih belum bercadang untuk mengubah polisi kerana minyak petrol dan diesel adalah barang kawalan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.